

terutamanya kanak-kanak, kepada berperasaan takut dan bacul, menanam perasaan percaya kepada tahayul-tahayul dan jampi kerana kita mengetahui sendiri bahawa banyak isi rumah, kanak-kanaknya sebelum dan hingga kepada umur dewasa apabila malam hari takut hendak pergi ke dapur rumahnya setelah mendengar cerita-cerita itu.

Untuk suatu bangsa yang baharu tumbuh maka sepatutnya bagi mereka hendaklah diberi semangat percaya kepada diri, semangat berani dan tabah hati, semangat kepahlawanan dan semangat keperwiraan dan semangat kesatria – bukan dihidupkan semangat penakut, semangat percaya kepada hantu jembalang dan sebagainya yang merosak kepada jiwa pertumbuhan anak-anak kita.

Semoga kesalahan-kesalahan dan ketelanjuran yang berlaku di dalam Radio Malaya ini, tidaklah hendaknya dibiarkan terus menerus tetapi hendaklah diadakan perubahan. Di dalam cerita sandiwara hendaklah dibuat cerita-cerita yang memberikan erti hidup di dalam masyarakat dengan suatu binaan yang baik – menjauhi dari membawa riwayat “hidup berkehendak”¹ sahaja.

Cerita-cerita seram, menurut pendapat kita hendaklah diberhentikan digantikan dengan cerita-cerita yang menumbuhkan semangat-semangat keberanian, semangat percaya kepada diri sendiri dan seumpamanya, supaya jiwa pendengar-pendengarnya semenjak dari kecil lagi tersemayam gambaran-gambaran hidup keperwiraan bangsanya.

Ke Mana Kita Dibawa?

Datuk Yahya bin Abdul Razak, di dalam Majlis Mesyuarat *Federal* telah menyatakan ketidakpuashatinya tentang rancangan menolong ekonomi orang-orang Melayu. Ia

menyatakan tidak ada ertinya mengadakan latihan-latihan memimpin orang-orang Melayu di dalam perkembangan menjual ikan kering dan belacan. Kalau hendak menolong ekonomi Melayu maka berilah tender-tender di bawah \$50,000 kepada perusahaan-perusahaan Melayu atau pun seumpamanya, percetakan-percetakan di Kementerian Pelajaran hendaklah diberi kepada perusahaan Melayu.

Di dalam menjawab kepada pendapat Datuk Yahya itu, Menteri Abdul Aziz bin Ishak menyatakan bahawa dasar kerajaan adalah memberi pertolongan yang merata dan tidak ditujukan kepada menolong menjadikan kapitalis-kapitalis. Cara pertolongan yang diberi hendaklah merata dan sebab itu dasar pemberian bantuan itu diutamakan dengan menerusi syarikat kerjasama.

Sekali dengan jawapan Menteri Abdul Aziz ini memang benar dan memang pada tempatnya tetapi apabila dikaji semula maka timbullah perbezaan pendapat. Menteri Abdul Aziz seolah-olah takut ada kapitalis-kapitalis daripada bangsa Melayu. Di manakah kapital-kapital Melayu yang besar yang ada di Persekutuan sekarang jika dibanding dengan orang-orang yang bukan Melayu?

Dengan menjauhkan segala kebolehan yang ada kepada orang-orang Melayu untuk membuat sesuatu kerja, jika tidak diberi bantuan dan kawalan sudah tentu mereka tidak akan dapat bersaing dengan perusahaan-perusahaan asing kerana sudah lazim, perusahaan asing itu berani rugi di dalam kerja-kerjanya kalau ia mengetahui bahawa ada persaingan dengan orang lain, terutamanya dengan perusahaan bangsa Melayu.

Dengan menolong begitu sahaja syor Datuk Yahya maka berertilah bahawa yang dimaksud bantuan kepada iktisad

1 Dalam majalah Qalam ditulis sebagai ‘hidup berkendak’

orang-orang Melayu iaitu sekadar cukup hidup sedang segala peluang-peluang yang besar-besar yang boleh menjadikan perusahaan-perusahaan perseorangan atau beramai-ramai mendapat kemajuan, tidak akan diharap daripada bantuan-bantuan dan sokongan-sokongan kerajaan. Kerajaan seolah-olah membiarkan segala yang boleh didapati oleh orang-orang Melayu terdapat oleh lain-lain bangsa yang ekonominya sememangnya kuat. Keadaan yang seperti ini, yakni dengan membiarkan peluang, hanya didapat oleh orang-orang yang bukan Melayu, adalah seperkara yang sangat-sangat didukacitakan.

Pensyarah-pensyarah Dari Indonesia

Semenjak daripada beberapa lama dahulu banyak pensyarah-pensyarah agama dari Indonesia yang singgah di sini memberi syarahan-syarahannya kepada masyarakat Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Kedatangan mereka di sini disambut dan diraikan dengan sewajarnya oleh umat Islam di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Banyak fikiran-fikiran dan pendapat pensyarah-pensyarah itu yang disambut dan diterima serta seterusnya adalah kedatangan mereka mengikat lagi mahabbah di antara Indonesia dengan orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu ini terutamanya apabila mereka menganjurkan persatuan dan persaudaraan di antara umat Islam di sini.

Tujuan-tujuan yang serupa ini sememangnya disambut dan dihargakan. Hal ini adalah berjalan beberapa lamanya dengan baik. Nama-nama Hamka, Arsyad Talib Lubis, Hasbi al-Siddiqi, Nasruddin Latif, Salleh Suwaidi, Zainal Arifin Datuk, Masdad, Fathullah Harun dan lain-lain adalah dikenal ramai dan syarahan-syarahan mereka dahulu adalah sangat diperkenani.

Kemudian di antara mereka itu telah ada pula yang berulang-ulang datang memberi syarahan di sini seperti Masdad

dan Fathullah Harun. Dahulunya kedua-dua pensyarah dari Nahdatul Ulama' ini selalunya menganjurkan persatuan di antara umat Islam di sini tetapi dalam masa lawatannya yang akhir ini sangat-sangat didukacitakan bahawa telah banyak disampaikan kepada kita bahawa kedatangan mereka sekali ini adalah banyak menghidupkan perkara-perkara pertelingkahan khilafiah. Ringkasnya kedatangan mereka tidak lagi mencari jalan untuk menasihati supaya ada persatuan dan memberi fahaman tentang luasnya pengertian beragama tetapi mereka rupanya menghidupkan semula semangat perpecahan yang diterbitkan oleh fahaman itu.

Kalau syarahan-syarahan yang bersifat demikian ini dibawa oleh mereka, ertinya kedatangan mereka menjarakkan atau untuk menghancurkan keadaan yang telah retak maka tidaklah ada gunanya kedatangan mereka bahkan sifat yang sedemikian ini sepatutnya mesti ditahan. Pensyarah yang datang dari luar untuk menimbulkan dan menghidupkan lebih besar di dalam perpecahan umat Islam sepatutnya tidaklah seyogianya diberi tempat dan diberi peluang datang ke mari. Apa pula sifat-sifat kedatangan itu ada tujuan-tujuan mencari faedah di belakangnya.

Pensyarah-pensyarah agama yang kita kehendaki datang ke tanah air kita ini mestilah daripada orang-orang yang menghidupkan semangat ukhuwah Islamiyyah – semangat persatuan semangat kasih sayang, semangat ruhamā' baynahum – bukan pensyarah-pensyarah yang menghidupkan *tafarruq* dan *tanāzu* (perpecahan dan persengketaan) seperti yang dibuat oleh kedua-dua pensyarah yang baharu datang (yang berkali-kali datang ke mari) sama ada diminta atau tidak oleh orang-orang di sini.

Kalau sekiranya pensyarah-pensyarah Indonesia itu datang ke mari hanya untuk menghidupkan perpecahan maka lebih